

02/09/2002

Umno ada bukti Pas pindah pengundi secara terancang

SERDANG, Ahad - Pas dikenal pasti memindahkan pengundi secara terancang di 21 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah dalam usahanya memenangi pilihan raya yang diadakan di negeri itu.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata Umno mempunyai bukti kukuh Pas sudah mengeluarkan arahan tertentu kepada penyokongnya supaya melakukan kerja pemindahan pengundi di negeri itu.

"Perkara ini sudah lama berlaku tetapi kita kesan selepas pilihan raya kecil DUN Anak Bukit baru-baru ini.

"Berdasarkan pengamatan itu, kita kesan ada sesuatu yang tak kena pada senarai pengundi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Puteri Umno bahagian Serdang di Sekolah Menengah Seri Serdang di sini, hari ini.

Berita Minggu hari ini melaporkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan membuat siasatan terperinci berhubung semua dakwaan mengenai wujudnya kecurangan dan penyelewengan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Parlimen Pendang, Kedah, 18 Julai lalu.

Setiausahanya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar dilaporkan berkata siasatan itu akan dibuat secepat mungkin dan SPR cawangan Kedah akan diarah mengkaji semua senarai pemilih daftar yang sah bagi 1999, 2000 dan 2001.

Wan Ahmad juga tidak menolak kemungkinan berlaku kecurangan segelintir Penolong Pegawai Pendaftar (PPP) yang menjadi dalang di sebalik memindah pengundi ke kawasan lain.

Jumaat lalu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempergerusikan MT, meminta SPR menjelaskan mengenai wujudnya dua senarai berlainan dalam daftar pemilih yang sama di Pendang dan Anak Bukit.

Dr Mahathir berkata, semakan di empat peti undi pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit mendapati ada lebih 500 pengundi hantu iaitu mereka yang bukan dilahir dan bekerja di kawasan berkenaan.

Umno juga tidak berpuas hati kerana ada 1,359 nama pengundi dikeluarkan daripada senarai sah pemilih menjelang pilihan raya kecil itu dan meminta SPR menyemak semula senarai daftar pemilih di seluruh negara kerana ada nama pengundi dari Sabah dan Sarawak dipindahkan ke sini, termasuk di Anak Bukit.

Najib yang juga Menteri Pertahanan, berkata Umno tidak salahkan SPR sebagai sebuah organisasi, tetapi ada kemungkinan pada peringkat bawahan wujud golongan yang bersimpati dan bekerjasama dengan parti politik bagi memasukkan penyokong pembangkang dan mengeluarkan penyokong BN.

Di KUALA LUMPUR, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata SPR wajar mengambil langkah, termasuk menyiasat kakitangannya bagi mengelak timbul tuduhan yang mendakwa badan bebas itu bersubahat dengan pembangkang.

Beliau berkata, SPR perlu bertindak segera supaya tidak ada pihak mengambil tindakan yang boleh dilihat tidak adil kepada SPR sebagai suruhanjaya bebas.

"Amat elok SPR mengambil kira pandangan Umno seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) minggu lalu.

"Sekiranya terbukti kakitangan tetap atau sementara yang melakukan perkara bertentangan dengan peraturan, SPR perlu mengambil tindakan sesuai mengikut keadaan.

"Sama ada perbuatan itu disengajakan atau atas sebab tertentu, mereka harus membuat siasatan bagi memperbaiki keadaan," katanya selepas majlis penyerahan kunci kepada 10 penghuni perintis Apartmen Lestari di Damansara

Damai dekat sini, hari ini.

Di SEREMBAN, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz meminta SPR menggunakan hanya satu versi senarai pengundi bagi melancarkan perjalanan pilihan raya.

Beliau berkata, semasa pilihan raya umum 1999, SPR sendiri mengakui ada dua versi senarai daftar pengundi yang digunakannya.

"Saya tahu (perkara itu) di tempat saya sendiri (Parlimen Kuala Kangsar) kerana buku yang saya gunakan untuk membuktikan penyokong dan pencadang ada dalam senarai daftar (ketika penamaan calon)... didapati nama dia (penyokong) tidak ada dalam senarai buku yang dipegang pegawai pilihan raya.

"Pada masa itu, saya begitu terketar, nama penyokong tak ada (dalam senarai) dan orang Pas di luar mengatakan bahawa calon Adun saya telah tersingkir dan mereka (Pas) kata mereka telah menang tanpa bertanding," katanya.

Rafidah berkata, beliau menghubungi SPR Kuala Lumpur dan pegawai pilihan raya yang bertugas dan SPR mengesahkan ada terdapat dua senarai.

Katanya, dua versi senarai yang berbeza ini akan membawa masalah kepada pengundi dan mengganggu kelancaran proses pengundian.

"Macam mana dua versi ini wujud, kita tak tahu. SPR kena siasat dan kalau ia mendatangkan masalah kepada pengundi, SPR kena betulkanlah," katanya.